

TERMA DAN SYARAT UMUM

NOVAKID INC.

1. PERUNTUKAN UMUM

1.1 Terma dan syarat umum semasa (kemudian daripada ini dirujuk sebagai: "GTC") akan mengawal selia dan menentukan syarat pendaftaran yang dibuat oleh Pengguna laman web yang terletak di www.novakidschool.com (kemudian daripada ini dirujuk sebagai: "Laman Web") dan subdomainnya yang dikendalikan oleh NovaKid Inc. (kemudian daripada ini dirujuk sebagai: "NovaKid", "Penyedia Perkhidmatan" atau "Syarikat"), selanjutnya GTC akan menentukan syarat dan keadaan relevan yang berkaitan penggunaan platform pembelajaran yang tersedia di www.school.novakidschool.com (kemudian daripada ini dirujuk sebagai: "Platform"), dan aplikasi mudah alih (kemudian daripada ini dirujuk sebagai: "Aplikasi") yang dikendalikan oleh NovaKid yang boleh dimuat turun daripada gedung web Apple App Store dan Google Play (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Gedung Web").

NovaKid menyediakan kelas Bahasa Inggeris dalam talian yang sesuai dengan usia untuk kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 12 tahun. Dengan menghadiri kelas dalam talian yang tersedia di Platform, kanak-kanak tersebut akan dapat mempelajari Bahasa Inggeris dalam talian secara individu atau berkumpulan dengan bantuan guru Bahasa Inggeris (kemudian daripada ini dirujuk sebagai: "Guru"), yang merupakan rakan kontrak NovaKid.

NovaKid juga menyediakan Aplikasi yang membolehkan Pengguna menjadualkan Kelas dalam talian untuk anak-anak mereka, dan juga untuk memantau kemajuan anak-anak mereka dan untuk menambah nilai baki dalam Akaun Pengguna mereka, dan untuk menerima pemberitahuan penting.

NovaKid akan menyediakan Platform penggunaan kepada Pengguna, termasuk Kelas Bahasa Inggeris sebagai pulangan kepada pembayaran (kemudian daripada ini dirujuk sebagai: "Pembayaran"), dan Pengguna boleh memilih daripada beberapa Cara Pembayaran yang ada mengikut keutamaan mereka.

Menerima GTC semasa, dan polisi privasi NovaKid (kemudian daripada ini dirujuk sebagai: "Polisi") merupakan prasyarat untuk mendaftarkan Akaun Pengguna di Laman Web. Polisi ini akan membentuk bahagian integral GTC semasa dan hendaklah diertikan menurut peruntukan Polisi.

2. DATA NOVAKID

- Nama Syarikat: NovaKid Inc.
- Alamat Berdaftar: 548 Market St 8291, San Francisco, CA 94104-5401, United States of America
- Nombor Fail dalam Negeri Delaware: 7190762

- Alamat E-mel: support@novakidschool.com
- Bahasa kontrak: Bahasa Melayu

3. DEFINISI

Istilah yang bermula dengan huruf besar yang berikut akan mengandungi makna yang berikut dalam GTC semasa:

Aplikasi: Aplikasi mudah alih 'NovaKid' (apl) boleh didapati di gedung web Google Play [<https://nvkd.onelink.me/Kf5i/website>] dan Apple App Store [<https://nvkd.onelink.me/Kf5i/website>]. Aplikasi ini boleh didapati pada sistem operasi Android dan IOS, ia boleh dimuat turun secara percuma.

Baki: bermaksud baki maya, yang memegang bilangan Kelas yang dibeli oleh Pengguna sebagai Pakej atau Langganan daripada NovaKid.

Baki Bonus: adalah bermaksud baki maya yang memegang sejumlah wang dalam mata wang Pengguna dan yang boleh digunakan untuk membiayai bahagian daripada Cara Pembayaran Pengguna.

Kelas: adalah bermaksud kelas dalam talian secara individu atau berkumpulan yang diadakan untuk Pengguna mempelajari Bahasa Inggeris dan oleh Guru di Platform.

Khidmat Sembang: bermaksud khidmat sembang maya yang tersedia di Laman Web untuk Pengguna, yang membolehkan Pengguna berkomunikasi dengan Penyedia Perkhidmatan secara dalam talian.

Kontrak: bermaksud kontrak khusus yang dibuat antara Penyedia Perkhidmatan dengan Pengguna atas penggunaan Perkhidmatan.

Polisi E-Keselamatan: bermaksud polisi NovaKid untuk tujuan menyediakan persekitaran yang selamat, terjamin dan menyokong kepada Pelajar. Polisi E-Keselamatan akan membentuk bahagian integral GTC semasa.

GTC: adalah bermaksud terma dan syarat NovaKid semasa.

Pakej: adalah bermaksud jenis Cara Pembayaran yang tersedia untuk dibeli oleh Pengguna, yang mengandungi bilangan Kelas tertentu yang dinyatakan dalam keterangan setiap Pakej.

Cara Pembayaran: adalah bermaksud cara pembayaran yang tersedia kepada Pengguna untuk dibeli di Laman Web. Cara Pembayaran adalah sama ada Pakej atau Langganan.

Platform: adalah bermaksud pakej perisian khas yang dibangunkan dan diselenggara oleh NovaKid, tersedia di <https://school.novakidschool.com/> yang direka bentuk untuk interaksi di antara Guru dengan Pengguna dan yang mana Kelas dapat diakses oleh Pengguna.

Cara Pembayaran Premium: adalah bermaksud jenis Cara Pembayaran di mana Kelas yang dibeli akan diadakan oleh Guru Penutur Asli Bahasa Inggeris, tidak kira sama ada Pengguna membeli Pakej atau Langganan.

Perkhidmatan: adalah bermaksud semua perkhidmatan yang disediakan oleh NovaKid yang boleh diakses melalui Laman Web dan Platform.

Cara Pembayaran Standard: adalah bermaksud jenis Cara Pembayaran di mana kelas yang dibeli akan diadakan oleh Guru Bukan Penutur Asli Bahasa Inggeris dengan tahap kemahiran Bahasa Inggeris yang tinggi, tidak kira sama ada Pengguna membeli Pakej atau Langganan.

Pelajar: bermaksud minor yang berumur antara 4 hingga 12 tahun, yang diwakili oleh Pengguna dan yang menghadiri Kelas yang disediakan di Platform.

Langganan: bermaksud jenis perkhidmatan yang merangkumi kelas yang tetap, iaitu, bilangan kelas tertentu setiap minggu dalam tempoh 28 hari kalendar (Langganan asas) atau tempoh Langganan lain seperti yang dinyatakan di bawah. Cara Pembayaran yang sesuai tersedia untuk dibeli oleh Pengguna, yang merupakan pembayaran diperbaharui secara automatik dan menyediakan Pengguna dengan bilangan Kelas tertentu setiap bulan yang ditetapkan dalam keterangan setiap Langganan.

Tempoh Langganan: bermaksud tempoh 28 hari berulang bermula pada hari Pengguna membeli Langganan. Dalam tempoh 28 hari ini, Pengguna layak menyertai Kelas yang dibeli dengan Langganan. Tempoh Langganan Panjang boleh jadi 84 atau 168 hari bergantung pada jangka masa yang dipilih, dan merangkumi 3 atau 6 tempoh Langganan asas. Tempoh Langganan mungkin berbeza daripada jangka masa yang dinyatakan di atas bergantung pada Rantau atau Negara di mana perkhidmatan NovaKid disediakan dan perlu ditetapkan di www.novakidschool.com atau subdomainnya atau laman web setempat jika berkenaan.

Guru: bermaksud orang perseorangan yang berada dalam hubungan kontraktual dengan NovaKid dan akan mengajarkan Bahasa Inggeris kepada Pelajar melalui Platform.

Pengguna: mana-mana orang perseorangan yang memasuki hubungan yang sah di sisi undang-undang dengan Penyedia Perkhidmatan untuk mendapat peruntukan Perkhidmatan di bawah terma GTC semasa.

Akaun Pengguna: adalah bermaksud halaman peribadi Pengguna yang berdaftar di Platform, yang mempunyai bahagian klien yang boleh diakses kepada semua Pengguna dan bahagian pentadbiran dengan maklumat pemilik Akaun Peribadi, tersembunyi daripada pengguna lain di Platform tersebut.

Laman Web: bermaksud laman web yang terletak di <https://www.novakidschool.com/> yang dikendalikan oleh NovaKid dan semua subdomainnya yang melaluinya NovaKid memberikan Perkhidmatan, termasuk Platform.

4. PENDAFTARAN PENGGUNA, PEMBUATAN KONTRAK

Satu kontrak dibuat antara NovaKid dan Pengguna dengan pendaftaran Pengguna melalui Laman Web, dengan langkah-langkah yang berikut:

4.1. Untuk Pengguna dapat mengakses dan menggunakan Platform, Pengguna perlu mendaftar melalui antara muka di Laman Web.

4.2. Perkhidmatan yang disediakan oleh NovaKid adalah dengan tujuan untuk digunakan oleh orang yang berusia antara 4 hingga 12 tahun, walau bagaimanapun minor yang di bawah umur 16 tahun tidak boleh mendaftarkan akaun di Laman Web. Minor hanya boleh menggunakan Laman Web dan Perkhidmatan dengan kebenaran penjaga atau wakil sah mereka (cth. ibu bapa, ibu bapa angkat, ibu bapa tiri dll.).

4.3. Pengguna dengan ini mengaku dan menjamin bahawa beliau akan mematuhi terma pada klausa ini, bukan tak upaya, dan selanjutnya, jika kapasiti undang-undangnya terhad sebahagiannya atau tidak kompeten maka wakil sah atau penjaga sah boleh mewakilinya, dan selanjutnya memahami dan mengakui peruntukan GTC semasa. Dalam kes berlakunya apa-apa pelanggaran kepada waranti ini, hanya Pengguna atau wakil sah atau penjaga sah Pengguna yang melanggar waranti akan bertanggungjawab atas apa-apa dan semua kerosakan dan kos tertanggungnya.

4.4. Semasa pendaftaran, alamat e-mel Pengguna, nama pertama dan nama akhir serta nombor telefon Pengguna diperlukan.

4.5. Setelah melengkapkan maklumat yang diminta dalam antara muka pendaftaran, Pengguna akan mengaku bahawa beliau telah mengetahui dan menerima kandungan GTC semasa dan mengaku bahawa beliau telah mengetahui Polisi tentang pemprosesan data peribadinya.

4.6. Setelah melengkapkan pendaftaran dan menerima GTC dan Polisi Privasi, Pengguna akan menghantar pendaftarannya kepada Penyedia Perkhidmatan. Penyedia Perkhidmatan akan menghantar e-mel yang mengesahkan pendaftaran tersebut ke alamat e-mel yang diberikan oleh Pengguna semasa pendaftaran.

4.7. Pengguna akan mengaktifkan pendaftarannya dengan mengklik pautan di dalam e-mel pengesahan, selepas itu sistem akan mengaktifkan pendaftaran Pengguna dan dengan itu Kontrak antara Pengguna dan NovaKid telah dibuat.

4.8. Selepas pendaftaran, Pengguna boleh, pada bila-bila masa, membetulkan atau mengubah ralat input data atau apa-apa data beliau di Platform, Laman Web dan dalam Aplikasi.

4.9. Selepas pendaftaran, Pengguna boleh menambah butiran anak mereka kepada akaun dengan memberikan nama dan umur anak. Setiap anak yang ditambah oleh Akaun Pengguna mempunyai subprofil berasingan dalam Akaun Pengguna untuk mengakses bahan pembelajaran peribadi mereka.

4.10. Penyedia Perkhidmatan berhak mengubah data profil terperinci Pengguna.

4.11. Penyedia Perkhidmatan tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan yang timbul daripada data yang salah dan/atau diberikan oleh Pengguna secara tidak betul. Pengguna boleh mengubah data yang diberikan semasa pendaftaran pada bila-bila masa. Pendaftaran akan dilakukan sekali oleh Pengguna, jika berlaku keadaan mengakses ke Platform seterusnya, langkah ini tidak diperlukan lagi.

4.12. Penyedia Perkhidmatan tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan yang timbul daripada berlakunya alamat e-mel dan/atau kata laluan Pengguna tersedia kepada orang yang tidak dibenarkan. Pengguna boleh meminta bantuan daripada Penyedia Perkhidmatan di alamat e-mel support@novakidschool.com atau melalui khidmat sembang dalam talian yang tersedia di Laman Web, jika berlaku keadaan terlupa alamat e-mel dan/atau kata laluan, hilang atau menjadi tersedia kepada orang yang tidak dibenarkan.

4.13. Di bawah GTC semasa, Kontrak antara pihak-pihak akan dianggap sebagai kontrak bertulis dalam Bahasa Melayu. Penyedia Perkhidmatan akan merekodkan data Pengguna yang membuat kontrak, tempat dan masa Kontrak, dan data yang diberikan oleh Pengguna semasa pendaftaran dan teks GTC yang berkuat kuasa pada masa Kontrak dibuat. Atas permintaan Pengguna, Penyedia Perkhidmatan akan menghantar maklumat tentang keadaan di atas kepada Pengguna secara bertulis. Maklumat akan dianggap bertulis, jika data yang berkaitan dihantar ke alamat e-mel Pengguna yang diberikan semasa pendaftaran atau selepas itu dalam Akaun Pengguna.

4.14. Laman Web dan Aplikasi boleh digunakan oleh mana-mana Pengguna atas risiko mereka sendiri dan di bawah tanggungan mereka sendiri sepenuhnya.

5. PERKHIDMATAN

Di bawah GTC semasa, NovaKid berjanji untuk menyediakan kepada Pengguna akses Platform (termasuk Kelas), menurut fungsi dan kandungan pilihan pembayaran yang ditentukan dalam GTC semasa.

5.1. Platform

Platform membolehkan Pengguna mengakses Akaun Pengguna dan Kelas mereka. Pengguna hanya dapat mengakses Kelas jika beliau membeli Cara Pembayaran seperti yang dikemukakan dalam seksyen 6 GTC semasa.

Untuk dapat menyertai Kelas, Pengguna memerlukan komputer peribadi dan akses Internet yang memenuhi syarat tersenarai di bawah, yang akan diperolehi sendiri oleh Pengguna dan dibayar sendiri olehnya. NovaKid tidak akan bertanggungjawab atas ketakungkinan penyediaan Kelas, atau kualitinya yang teruk, disebabkan oleh fungsi perisian, perkakasan atau akses Internet yang diperlukan tidak sesuai di pihak Pengguna.

5.1.1. Keperluan teknikal minimum untuk dapat menyertai Kelas:

- Sistem Operasi: Windows 7/8/8.1/10, Mac OS X 10, 10.10, 10.11; untuk tablet: Sistem Android atau iOS;
- Sistem Operasi: Windows 7/8/8.1/10, Mac OS X 10, 10.10, 10.11; untuk tablet: Sistem Android atau iOS;
- Versi pengguna yang stabil dan terkini Pelayar Google Chrome dipasang, dengan tetapan kemas kini automatik didayakan;
- RAM: 2 GB atau lebih tinggi;
- CPU: pemproses dwi-teras, min. 1.8 GHz;
- Mikrofon dan kamera yang berfungsi;
- Sambungan Internet: min. 5 Mbit/s.

5.1.2. Keperluan teknikal yang disyorkan untuk menyertai Kelas:

- Sistem operasi: Windows 8/8.1/10, Mac OS 10.10, 10.11; untuk tablet: sistem Android atau iOS;
- Versi pengguna yang stabil dan terkini Pelayar Google Chrome dipasang, dengan tetapan kemas kini automatik didayakan;
- RAM: 4 GB dan lebih tinggi;
- CPU: pemproses dwi-teras, min. 2.2 GHz;
- Mikrofon dan kamera yang berfungsi;
- Sambungan Internet: 35 Mbit/s.

5.1.3. Untuk menyertai Kelas, Pengguna perlu membenarkan akses kepada mikrofon dan kamera pada perantarnya.

5.1.4. Pengguna mengakui bahawa NovaKid akan merakam video Kelas untuk tujuan mengawal kualiti Perkhidmatan yang disediakan oleh NovaKid dan untuk tujuan menyiasat tuntutan Pengguna, selanjutnya untuk membuatkan Pelajar dan Pengguna dapat menonton semula dan mengulang pelajaran. Video Kelas akan disimpan selama 3, iaitu tiga tahun.

5.1.5 Dengan ini, Pengguna bersetuju bahawa rakaman video khusus boleh dalam sesetengah keadaan diserahkan kepada Guru, NovaKid, pihak berkuasa negeri atau mahkamah tertakluk kepada dasar undang-undang untuk penyerahan seumpama itu.

5.2. KELAS

5.2.1. Kelas yang Pertama

Kelas yang Pertama bertujuan untuk membiasakan Pelajar dan Pengguna dengan Platform, serta untuk menentukan tahap kemahiran Bahasa Inggeris Pelajar.

Selepas Kelas yang Pertama, NovaKid akan mencadangkan Guru dan juga jadual Kelas untuk Pelajar bergantung pada kemahiran Pelajar. Penilaian NovaKid terhadap kemahiran Bahasa Inggeris Pelajar mungkin berbeza daripada penilaian yang diterima oleh Pengguna daripada pihak ketiga sebelum itu.

5.2.2. Memilih Guru dan menjadualkan Kelas

Pengguna dibenarkan memilih daripada Guru-guru yang ada bergantung pada kemahiran Pelajar dalam Bahasa Inggeris dan jadual yang dimahukan oleh Pengguna.

NovaKid berhak menguntukkan masa dalam jadual Guru untuk Pengguna dengan Langganan. Walau bagaimanapun, jika Pengguna gagal membayar Langganan dalam 24, iaitu dua puluh empat jam sebelum Kelas bermula, penguntukan tersebut akan dibatalkan.

Pengguna kemudiannya boleh meminta NovaKid menukar Guru dan akan memberikan sebab untuk permintaan tersebut. Penyedia Perkhidmatan berhak menolak permintaan Pengguna. Jika Pengguna menolak untuk mengambil Kelas dengan Guru yang disediakan, Pengguna boleh menangguhkan Kelas selaras dengan seksyen 5.2.4. GTC semasa.

NovaKid boleh menggantikan Guru mengikut budi bicara mutlakanya, bagaimanapun, NovaKid akan memaklumkan Pengguna terlebih dahulu tanpa kelengahan tak wajar, bagaimanapun tidak lewat daripada 1, iaitu satu jam sebelum memulakan Kelas yang berkenaan.

Penjadualan Kelas akan menurut jenis Cara Pembayaran yang dibeli oleh Pengguna, oleh itu Pengguna yang membeli Langganan hanya layak untuk menjadualkan sejumlah Kelas per Pelajar per minggu yang ditunjukkan dalam keterangan Langganan yang berkenaan.

5.2.3. Tatacara Kelas

Waktu Kelas bermula ialah waktu bermula yang ditetapkan dalam Jadual Kelas oleh Pengguna. Pengguna boleh menyertai Kelas melalui Platform pada masa Kelas bermula dengan mengklik butang "Enter class". Untuk memulakan Kelas, kedua-dua pihak iaitu Guru dan Pelajar hendaklah berada di dalam bilik darjah maya.

Kelas akan berlangsung selama 25, iaitu dua puluh lima minit dari waktu bermula yang dijadualkan. Jika Pengguna atau Guru menghadapi kesulitan teknikal semasa Kelas berlangsung, contohnya mereka kehilangan sambungan Internet dan terputus sambungan, mereka boleh menyambung semula ke Kelas dalam rangka masa yang dijadualkan.

Hanya kehadiran Pelajar yang diwajibkan semasa Kelas berlangsung, bagaimanapun Penyedia Perkhidmatan menasihatkan Pengguna untuk berada di Kelas bagi 4 atau lima Kelas yang Pertama bagi Pelajar untuk membantu Pelajar membiasakan diri dengan antara muka Platform dan juga dengan Guru.

Kelas akan dijalankan dalam Bahasa Inggeris, dan Guru dilarang daripada menggunakan apa-apa bahasa lain semasa Kelas berlangsung, kecuali semasa Pengguna atau Pelajar menghadapi kesulitan teknikal.

Sepanjang Kelas berlangsung, kedua-dua Pelajar dan Pengguna hendaklah mematuhi Polisi E-Keselamatan Penyedia Perkhidmatan. Kelas akan dirakam oleh Penyedia Perkhidmatan

menurut Polisi tersebut, dan dengan itu Kelas akan boleh ditonton semula oleh Pengguna dan Pelajar untuk mengulang pelajaran.

Pada akhir setiap Kelas, Guru akan memberikan kerja rumah kepada Pelajar yang perlu disiapkan di Platform oleh Pelajar sebelum Kelas yang seterusnya.

Untuk meninggalkan Bilik darjah maya, Pelajar atau Pengguna hendaklah mengklik simbol "X" pada sudut kanan atas pada tettingkap pelayar atau klik butang "Exit" pada sudut kanan bawah Bilik darjah maya.

5.2.4. Pembatalan dan penangguhan Kelas

Pembatalan dan penangguhan Kelas oleh Pengguna tanpa kehilangan Baki boleh diuruskan tidak lewat daripada 8, iaitu lapan jam sebelum bermulanya Kelas. Kegagalan Pengguna untuk memenuhi tarikh akhir ini akan bermaksud bahawa Pengguna bersetuju dengan waktu Kelas yang dicadangkan, dan jika Pelajar tidak hadir Kelas tersebut, Pembayaran untuk Kelas itu tidak akan dipulangkan balik kepada Pengguna.

Tanpa menghapus kira daripada Baki, Pengguna berhak mendapat satu kali penangguhan Kelas dengan Guru untuk tidak kurang daripada 8, iaitu lapan jam dan tidak lewat daripada 1, iaitu satu jam sebelum Kelas bermula hingga waktu Guru tersedia dalam masa 7, iaitu tujuh hari akan datang. Bilangan penangguhan yang boleh dan/atau pembatalan Kelas tanpa kehilangan tempat dalam jadual Guru bergantung pada intensiti jadual Kelas Pengguna.

Dalam kes yang demikian, jika tiada masa tersedia dalam jadual Guru dalam tempoh 7, iaitu tujuh hari, Pengguna akan kehilangan tempat dalam jadual dan satu Kelas akan dihapus kira daripada Baki Pengguna. Jika berlaku penangguhan atau pembatalan Kelas yang sememangnya sudah ditangguhkan (ditangguhkan untuk kurang daripada 8, iaitu lapan jam dan tidak lewat daripada 1, iaitu satu jam sebelum Kelas bermula), satu Kelas akan dihapus kira daripada Baki Pengguna. NovaKid berhak untuk mempertimbangkan rayuan Pengguna jika tiada masa yang tersedia dalam jadual Guru.

Guru berhak untuk menangguhkan dan membatalkan Kelas, dengan memaklumkan NovaKid lebih awal. Dalam kes ini, Guru ganti akan ditugaskan kepada Kelas jika Pengguna menerima penggantian dalam akaunnya.

Jika Guru ganti tidak didapati untuk Kelas, Pengguna akan dimaklumkan oleh Penyedia Perkhidmatan tentang pembatalan dan Kelas tidak akan dihapus kira daripada Baki Pengguna.

5.2.5. Tidak hadir ke Kelas

Jika Pelajar tidak hadir ke Kelas di Platform pada waktu bermula yang dijadualkan, Guru akan menunggu Pelajar selama 25, iaitu dua puluh lima minit. Jika pelajar gagal untuk memulakan Kelas dalam rangka masa ini atau jika Pengguna gagal untuk memberitahu Penyedia Perkhidmatan lebih awal tentang ketakungkinan Pelajar menghadiri Kelas, Kelas ini akan dianggap telah diadakan dan akan dihapus kira daripada Baki Pengguna

Kelas yang tidak diadakan kerana kesilapan Guru akan tertakluk kepada pembatalan percuma (tanpa menghapuskannya daripada Baki Pengguna) atau akan ditangguhkan ke masa yang lain dalam jadual Guru yang mudah untuk Pengguna.

5.2.6. Menggantung Kelas

Pengguna berhak untuk menggantung Kelas yang dijadualkan buat sementara, dengan menghantar mesej kepada Penyedia Perkhidmatan melalui Khidmat Sembang tetapi untuk rangka masa penggantungan, Kelas yang dijadualkan oleh Pengguna sebelumnya akan dipadamkan daripada jadual Guru, oleh itu masa ini akan lapang untuk menjadualkan Pengguna lain.

Apabila Pengguna memutuskan untuk menyambung Kelas, Pengguna dan Penyedia Perkhidmatan akan menetapkan semula jadual Kelas bersama-sama.

5.2.7. Komunikasi berkaitan Kelas

Komunikasi antara Pengguna, Guru dan Penyedia Perkhidmatan berkaitan kelas akan dilakukan melalui khidmat sembang Platform.

NovaKid akan memaklumkan Pengguna tentang penugasan Kelas, pembatalan Kelas, pelantikan Guru ganti dan peristiwa lain melalui e-mel atau mesej SMS yang dihantar kepada maklumat hubungan yang diberikan oleh Pengguna. Disebabkan sifat komunikasi tersebut, NovaKid tidak menjamin penghantaran mesej yang demikian.

Pengguna akan memaklumkan Penyedia Perkhidmatan tentang penangguhan atau pembatalan Kelas melalui khidmat sembang Platform atau Aplikasi.

5.3. Aplikasi

Aplikasi yang tersedia kepada Pengguna dalam Gedung Web dibangunkan oleh NovaKid. Aplikasi tersebut membolehkan Pengguna menjadualkan Kelas, menguruskan Pembayaran dan memantau kemajuan anak mereka dengan Kelas tersebut dan juga untuk menerima pemberitahuan penting.

Setelah Pengguna memuat turun Aplikasi daripada salah satu Gedung Web, beliau boleh log masuk ke Aplikasi dengan butiran Akaun Pengguna mereka.

6. CARA PEMBAYARAN DAN SYARAT

6.1. Pembayaran Pengguna

Untuk dapat mengakses Perkhidmatan yang tersedia di Platform, Pengguna perlu memilih dan membayar satu Cara Pembayaran di Laman Web. Pengguna boleh membayar Perkhidmatan melalui Platform atau Aplikasi.

6.2. Cara Pembayaran

Pengguna boleh memilih Cara Pembayaran Standard atau Premium. Dalam kedua-dua Cara Pembayaran, Pengguna boleh memilih Langganan atau Pakej. Bagaimanapun, Pakej hanya tersedia untuk Pengguna yang mendaftar di Platform sebelum 01.01.2021, kecuali dalam kes Pentadbir mengadakan Promosi istimewa.

Jika Pengguna memilih Cara Pembayaran Standard, bilangan Kelas yang dibeli oleh mereka akan diadakan oleh Guru bukan penutur asli Bahasa Inggeris dengan tahap kemahiran Bahasa Inggeris yang tinggi.

Jika Pengguna memilih Cara Pembayaran Premium, bilangan Kelas yang dibeli oleh mereka akan diadakan oleh Guru penutur asli Bahasa Inggeris.

Harga Cara Pembayaran bergantung pada sama ada Pengguna memilih Cara Pembayaran Standard atau Premium dan juga bergantung pada sama ada Pengguna membeli Langganan atau Pakej. Harga semasa gabungan Cara Pembayaran yang berbeza tersedia di Laman Web.

6.2.1. Langganan

Apabila Pengguna memilih Langganan dan Cara Pembayaran yang sesuai, beliau membenarkan NovaKid untuk membuat caj berulang kepada butiran pembayaran yang diberikan setiap 28, iaitu dua puluh lapan hari (4, iaitu empat minggu) daripada tarikh mendayakan Langganan, untuk sejumlah wang yang ditunjukkan di Laman Web sehingga beliau membatalkan Langganan. Langganan Panjang ialah pembayaran sekali tanpa pembaharuan automatik.

Versi Langganan (Kelas seminggu) tersedia pada waktu Pembayaran ditunjukkan di Laman Web. Jika versi Langganan yang dipilih oleh Pengguna tidak lagi tersedia, tetapi Langganan tersebut tidak dibatalkan oleh Pengguna, pemadaman versi itu daripada Langganan tidak akan menjejaskan Langganan yang sedang berjalan.

Pengguna boleh menjadualkan Kelas yang dibeli di Platform menurut keutamaan beliau.

Pada akhir Tempoh Langganan, 50% daripada harga Kelas yang tidak digunakan akan dipindahkan ke Baki Bonus Pengguna. 50% daripada harga satu Kelas akan dikira daripada harga ketika Pengguna membeli Langganan.

Pengguna boleh membatalkan pembaharuan automatik Langganan secara manual di Platform atau dengan menghantar permintaan pembatalan kepada Penyedia Perkhidmatan dalam Khidmat Sembang tidak lewat daripada 1 hari bekerja sebelum pembatalan yang dijangkakan. Setelah menerima permintaan tersebut, NovaKid akan membatalkan pembaharuan automatik selanjutnya bagi Langganan Pelanggan.

Pengguna berhak untuk menggantung Langganan untuk satu tempoh sehingga empat minggu secara manual di Platform atau dengan menghantar permintaan kepada Penyedia Perkhidmatan dalam Khidmat Sembang tidak lewat daripada 1 hari bekerja sebelum penggantungan yang dijangkakan. Dalam kes ini, 100% harga Kelas yang tidak digunakan akan dipindahkan ke Baki Bonus Pengguna. Dalam masa satu tahun kalendar, Pengguna boleh menggantung Langganan untuk maksimum empat minggu.

6.2.2. Pakej

Jika Pengguna membeli Pakej, dengan mengambil kira peruntukan dalam klausa 6.2 perenggan 1, Baki beliau akan ditambah dengan bilangan Kelas yang terangkum dalam Pakej yang dipilih oleh Pengguna untuk dibeli. Pakej tersebut bukan Cara Pembayaran berulang, oleh itu apabila Pembeli menggunakan semua Kelas pada Baki beliau, beliau tidak akan dapat mengakses Perkhidmatan sehingga beliau membuat pembayaran seterusnya seperti yang telah ditetapkan dalam GTC semasa, dan Kelas tidak akan ditambah kepada Baki sehingga pembelian lain dibuat secara manual.

Saiz Pakej (Kelas per Pakej) tersedia pada waktu Pembayaran ditunjukkan di Laman Web. Setelah Pakej dibeli, bilangan Kelas yang dibeli akan ditunjukkan pada Baki Pengguna dengan serta-merta.

Pengguna bersetuju bahawa jika terdapat Kelas yang tidak digunakan pada Baki Kelas Pengguna dalam masa 90 (sembilan puluh) hari kalendar selepas kali terakhir Kelas digunakan dalam Pakej yang dibeli oleh Pengguna dan jika dalam tempoh ini Pengguna tidak menggunakan sekurang-kurangnya satu Kelas, perkhidmatan di bawah Pakej di atas dianggap telah diberikan sepenuhnya, dan Syarikat tidak mempunyai obligasi untuk memulangkan balik Pembayaran kepada Pengguna. Dalam kes ini, Baki dalam akaun Pengguna akan menjadi kosong.

Pakej yang dibeli oleh Pengguna sebelum penerbitan GTC semasa yang bertarikh 1 Mei 2021 mempunyai syarat-syarat berikut: Pengguna bersetuju bahawa jika terdapat Kelas yang tidak digunakan pada Baki Kelas Pengguna dalam masa 90 (sembilan puluh) hari kalendar selepas kali terakhir Kelas digunakan dalam Pakej yang dibeli oleh Pengguna dan jika dalam tempoh ini Pengguna tidak menggunakan sekurang-kurangnya satu Kelas, perkhidmatan di bawah Pakej di atas dianggap telah diberikan sepenuhnya, dan Syarikat tidak mempunyai obligasi untuk memulangkan balik Pembayaran kepada Pengguna. Dalam kes ini, Baki dalam akaun Pengguna akan menjadi kosong.

6.2.3. Bertukar daripada Pakej kepada Langganan

Pengguna boleh menukar kepada Langganan walaupun selepas membeli Pakej sekiranya Langganan tersedia untuk pengguna.

Dalam pilihan pembayaran di Platform, Pengguna sentiasa boleh membeli Langganan. Jika terdapat apa-apa Kelas dalam Baki Pengguna pada masa pembelian Langganan, Kelas akan ditukarkan sepenuhnya ke dalam mata wang pada Baki Bonus Pengguna. Jumlah mata wang untuk satu Kelas akan dikira daripada harga ketika Pengguna membeli Pakej.

6.2.4. Bertukar daripada Langganan kepada Pakej

Pengguna boleh menukar daripada Langganan kepada Pakej, dengan mengambil kira peruntukan pada klausa 6.2. perenggan 1, dengan membatalkan secara manual Langganan mereka di Platform atau dengan menghantar permintaan pembatalan kepada Penyedia Perkhidmatan dalam Khidmat Sembang. Setelah menerima permintaan, NovaKid akan membatalkan pembaharuan automatik selanjutnya bagi Langganan Pengguna.

Selepas Tempoh Langganan untuk Langganan yang telah dibeli oleh Pengguna berlalu, Pakej akan tersedia untuk Pengguna membelinya di Platform.

6.3. Baki Bonus

Setiap Pengguna mempunyai Baki Bonus dalam Akaun Penggunanya. Baki Bonus bertujuan untuk memegang sejumlah wang dalam mata wang yang dipilih oleh Pengguna.

Jumlah yang tersedia untuk Pengguna pada Baki Bonus boleh digunakan untuk membuat sebahagian Pembayaran menggunakannya apabila Pengguna membeli Cara Pembayaran. Pengurangan kos Cara Pembayaran dengan menggunakan mata wang yang tersedia pada Baki Bonus tidak boleh melebihi 25% iaitu dua puluh lima peratus daripada harga awal Cara Pembayaran.

Pengguna boleh menerima wang ke dalam Baki Bonus mereka melalui pelbagai cara, termasuk menjemput orang lain ke Laman Web, dengan pautan rujukan unik mereka.

Baki Bonus mempunyai tarikh akhir, yang ditunjukkan dalam Akaun Pengguna. Setelah Baki Bonus tamat tempoh ia akan dikosongkan daripada apa-apa mata wang dan jumlahnya akan menjadi 0, dan jumlah yang ada pada Baki Bonus sebelum itu tidak boleh dipulangkan balik kepada Pengguna.

Jumlah yang ada pada Baki Bonus tidak boleh dikeluarkan oleh Pengguna.

6.4. Promosi dan diskaun

NovaKid berhak untuk memberikan diskaun (kemudian daripada ini dirujuk sebagai: "Diskaun") dan tawaran istimewa pembelian dan promosi (kemudian daripada ini dirujuk sebagai: "Promosi") kepada Pengguna pada tarikh dan tempoh yang ditentukan sepenuhnya oleh NovaKid, ketersediaan dan syarat Diskaun dan Promosi akan ditunjukkan oleh Penyedia Perkhidmatan di Laman Web atau di Platform bagi memaklumkan Pengguna. Penyedia Perkhidmatan berhak untuk memperkenalkan, menamatkan dan mengubah suai syarat Diskaun dan Promosi mengikut budi bicaranya sendiri, yang mana perubahan akan tanpa langkah ditunjukkan di Laman Web atau Platform untuk memaklumkan Pengguna.

NovaKid juga akan memberikan kod diskaun tertentu (kemudian daripada ini dirujuk sebagai: "Kod Diskaun") yang boleh digunakan oleh Pengguna dalam rangka masa yang terhad. Kod Diskaun memberikan sama ada potongan dalam peratus atau jumlah wang tertentu yang ditolak daripada harga penuh Cara Pembayaran yang ditunjukkan di Laman Web.

6.5. Pemberian Kelas sebagai Hadiah

NovaKid juga boleh memberikan Kelas sebagai Hadiah bagi pelbagai tindakan dan pertandingan. Maklumat lanjut tentang ini boleh didapati dengan bertanya kepada pasukan khidmat pelanggan NovaKid.

6.6. Sistem pembayaran dan pengeluaran invois

6.6.1. Sistem pembayaran

Pengguna diminta membayar jumlah harga pembelian Cara Pembayaran untuk menyertai Kelas. Pengguna boleh membayar harga pembelian dengan memberikan kelayakan kad kredit atau debit atau akaun PayPal mereka.

Untuk Pengguna dapat membayar dengan kad debit atau kredit, NovaKid menggunakan perkhidmatan Stripe dan menerima jenis kad kredit yang berikut:

- VISA
- VISA Debit
- MasterCard
- Discover
- JCB
- American Express

Dalam semua keadaan, proses pembayaran yang berkaitan dengan pembelian Cara Pembayaran akan diproses oleh Stripe sebagai pemproses pembayaran pihak ketiga, bergantung pada kaedah pembayaran yang dipilih oleh Pengguna untuk membeli yang bermaksud Pengguna akan terikat dengan terma pemproses pembayaran pihak ketiga tersebut.

6.6.2. Pengeluaran invois

NovaKid hanya akan mengeluarkan invois elektronik selepas Pembayaran Pengguna, yang akan dihantar ke alamat e-mel yang diberikan oleh Pengguna pada pendaftaran atau dalam Akaun Pengguna.

6.7. Bayaran balik

Atas permintaan Pengguna, NovaKid boleh mempertimbangkan bayaran balik sebahagian atau sepenuhnya Pembayaran Pengguna.

Pengguna bersetuju bahawa diskaun berkadar dan pengurangan berkadar dalam kos Kelas hasil daripada program bonus yang telah digunakan olehnya pada pembayaran terakhir akan diambil kira apabila mengira kos Kelas yang telah digunakan untuk ditolak.

Kos untuk dibayar balik akan ditentukan berdasarkan pada bilangan Kelas dalam Baki dalam kes Pengguna membeli Pakej.

Pengguna bersetuju bahawa dalam kes Langganan tiada bayaran balik diberikan. Kecuali dalam kes apabila tiada satu pun Kelas digunakan oleh Pengguna dalam Langganan yang dibeli atau Langganan dibeli oleh Pengguna untuk pertama kali dan NovaKid menerima notis penamatan Perjanjian dalam 14 (empat belas) hari pertama dari tarikh pembayaran terakhir yang dibuat oleh Pengguna. Dalam kes ini kos untuk dibayar balik akan ditentukan berdasarkan bilangan Kelas dalam Baki. Pengguna akan dibayar balik dengan tidak melebihi jumlah harga yang dibayarinya pada waktu pembelian Cara Pembayaran.

Setelah keputusan positif Novakid tentang bayaran balik, NovaKid akan menguruskan bayaran balik tersebut dalam masa 5, iaitu lima hari perniagaan. Pengguna akan menerima bayaran balik melalui cara Pembayaran asal ke akaun bank Pengguna yang membuat Pembayaran, atau ke akaun bank yang dinyatakan oleh Pengguna dalam permintaannya.

7. OBLIGASI PENGGUNA

7.1. Melalui pendaftaran, Pengguna wajib memberikan data mereka dan data anak mereka dengan betul. Pengguna akan bertanggungjawab atas semua kerosakan dan kos tertanggung oleh Penyedia Perkhidmatan, Pengguna atau pihak ketiga akibat Pengguna memberikan data yang salah.

7.2. Pengguna, dari segi data peribadi dan dokumen yang dimuat naik oleh Pengguna semasa dan selepas pendaftaran, wajib mematuhi undang-undang yang dikenakan. Pengguna dan Pelajar akan mengelakkan diri daripada apa-apa kelakuan yang melanggar peruntukan GTC ini, hak orang lain, atau yang menyalahi undang-undang, memperdaya, mendiskriminasi atau tidak adil.

7.3. Pengguna dan Pelajar tidak boleh memuat naik virus atau kod hasad dan tidak boleh menunjukkan apa-apa tingkah laku yang membebankan Laman Web, Platform atau Aplikasi, atau menjadikan ia tidak dapat diakses, atau menghalang operasinya.

7.4. Pengguna dan Pelajar akan bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan (termasuk apa-apa restitusi) yang berlaku pada Penyedia Perkhidmatan atau pada pihak ketiga, disebabkan Pengguna atau Pelajar tidak mematuhi obligasi yang ditetapkan dalam GTC semasa. NovaKid berhak untuk menghapuskan, tanpa langkah dan tanpa notis kepada Pengguna, apa-apa kandungan Pengguna yang melanggar GTC semasa, atau untuk mengecualikan Pengguna dan Pelajar daripada penggunaan lanjut Perkhidmatan, jika beliau menerbitkan kandungan yang sedemikian secara langsung atau tidak langsung.

7.5. Penyedia Perkhidmatan dengan jelas mengecualikan liabiliti atas apa-apa kerosakan, termasuk apa-apa restitusi, yang timbul daripada kandungan yang salah, palsu, samar atau menyalahi undang-undang yang diberikan oleh Pengguna atau Pelajar.

7.6. Pengguna dan Pelajar mempunyai kewajipan untuk mematuhi peruntukan GTC ini dan undang-undang kecil lain Penyedia Perkhidmatan. Apa-apa kerosakan, termasuk restitusi, akibat pelanggaran peruntukan tersebut akan ditanggung oleh Pengguna. NovaKid berhak untuk mengecualikan Pengguna tanpa apa-apa notis daripada Perkhidmatan yang melanggar obligasi yang ditetapkan dalam klausa ini.

7.7. Pengguna mengakui bahawa jika atas sebab-sebab tingkah laku yang menyalahi undang-undang atau apa-apa tingkah laku lain yang melanggar GTC semasa atau apa-apa dokumen lain yang diterbitkan oleh Penyedia Perkhidmatan, Pengguna akan dilarang daripada Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan yang telah dibayar oleh Pengguna tidak akan dapat dipulihkan.

8. PINDAAN, PENAMATAN KONTRAK

8.1 Penyedia Perkhidmatan berhak untuk meminda GTC semasa secara satu pihak pada bila-bila masa. Penyedia Perkhidmatan akan menerbitkan pindaan GTC di Laman Web dan memaklumkan Penggunanya berikutan itu dalam mesej sistem. GTC yang dipinda akan dikenakan kepada Perkhidmatan yang dibuat sebelum dan selepas penerbitan GTC yang dipinda.

8.2 Pengguna berhak untuk membatalkan pendaftarannya pada bila-bila masa dengan menghantar e-mel ke alamat support@novakidschool.com atau melalui Khidmat Sembang, yang juga bermaksud penamatan Kontrak yang dibuat dengan Penyedia Perkhidmatan. Dengan membatalkan pendaftaran, profil Pengguna akan ditamatkan, dengan itu Pengguna tidak dapat lagi mengakses Kelas.

8.3 Penyedia Perkhidmatan berhak untuk menamatkan Kontrak secara satu pihak dengan serta-merta, jika Pengguna melanggar apa-apa obligasinya yang ditetapkan dalam GTC ini dan dalam mana-mana undang-undang kecil lain Penyedia Perkhidmatan atau dalam undang-undang yang dikenakan.

8.4 Jika Penyedia Perkhidmatan mengesan, menyedari, dan selanjutnya timbul kemungkinan bahawa Pengguna telah mendaftar dan / atau menggunakan Aplikasi tanpa keizinan wakil sah atau penjaga sah dalam kes Pengguna minor di bawah umur 16 tahun, atau penjaga sah dalam kes Pengguna tak upaya atau Pengguna dengan kapasiti separa terhad, Penyedia Perkhidmatan berhak untuk memaklumkan Pengguna untuk mengesahkan dengan cara yang boleh dipercayai dan dalam masa yang berpatutan, tetapi tidak lebih daripada 5, iaitu lima hari daripada keizinan wakil sah atau penjaga sah diberikan. Jika Pengguna tidak mengesahkan keizinan wakil sah atau penjaga sah dengan cara yang boleh dipercayai, Penyedia Perkhidmatan berhak untuk menamatkan Kontrak secara satu pihak dengan serta-merta dan memadamkan Akaun Pengguna.

8.5 Penyedia Perkhidmatan berhak untuk menamatkan – dengan 30, iaitu notis tiga puluh hari, tanpa memberikan sebab dan melalui e-mel – Kontrak yang dibuat dengan menerima GTC ini.

8.6 NovaKid akan memaklumkan Pengguna tentang penamatan Kontrak dengan menghantar mesej ke alamat e-mel atau nombor telefon yang diberikan oleh Pengguna semasa pendaftaran.

9. HARTA INTELEK

9.1 Dengan menerima GTC ini, Pengguna mengakui bahawa Perkhidmatan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, data, maklumat, gambar, teks, muzik, kandungan audio, apa-apa

kandungan lain, ilustrasi, antara muka pengguna, klip audio dan video, kandungan editorial, dan juga skrip dan perisian yang digunakan dalam pelaksanaan Perkhidmatan, mengandungi hak milik maklumat dan bahan tersebut yang pemegang haknya ialah NovaKid, dan yang dilindungi oleh harta intelek atau perundangan lain yang dikenakan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perlindungan hak cipta. Pengguna menerima bahawa mereka tidak boleh menggunakan maklumat atau kandungan hak milik tersebut dengan cara lain selain penggunaan peribadi dan bukan komersial Perkhidmatan yang ditetapkan dalam GTC ini. Pengeluaran mana-mana bahagian Perkhidmatan ini dalam apa-apa bentuk atau apa-apa cara adalah dilarang melainkan dengan jelas dibenarkan oleh GTC ini. Pengguna mengakui, bahawa beliau tidak boleh, dalam apa-apa cara, mengubah, menyewakan, menjual atau mengedar Perkhidmatan atau Aplikasi atau mana-mana bahagian daripadanya, dan beliau tidak berhak untuk menggunakan Perkhidmatan dalam apa-apa cara yang jelas tidak dibenarkan.

9.2 Nama NovaKid, logo NovaKid dan apa-apa tanda dagangan yang lain, ilustrasi dan logo yang digunakan berkaitan dengan Perkhidmatan adalah tanda dagangan Penyedia Perkhidmatan atau Penyedia Perkhidmatan berhak menggunakannya. Pengguna tidak mempunyai hak atau tiada hak penggunaan berkenaan dengan tanda dagangan atau harta intelek yang disebutkan di atas.

9.3 Kandungan Aplikasi dan Laman Web, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, elemen grafik, teks dan penyelesaian teknikal, reka letak dan reka bentuk Aplikasi dan antara muka Laman Web (termasuk Platform), perisian dan penyelesaian lain, idea dan pelaksanaan yang digunakan, dan juga kandungan di Laman Web atau di Aplikasi yang diterbitkan oleh Penyedia Perkhidmatan merupakan harta intelek Penyedia Perkhidmatan yang dilindungi oleh hak cipta. Membuat salinan daripadanya, secara keseluruhan atau sebahagian, akan melanggar hak cipta.

9.4 Penggunaan Aplikasi dan Laman Web tidak di bawah apa-apa keadaan menyebabkan kod sumber menjadi dinyahsulit atau dinyahkod oleh sesiapa atau dalam cara lain melanggar hak harta intelek Penyedia Perkhidmatan. Mengadaptasi atau menyahsulit kandungan atau mana-mana bahagian Aplikasi atau Laman Web; mencipta Akaun Pengguna dengan tidak wajar, penggunaan apa-apa aplikasi yang dengannya Aplikasi atau Laman Web atau mana-mana bahagiannya dapat diubah suai atau diindeks (cth. bot carian, atau penyahsulitan lain) adalah dilarang.

10. PENGECUALIAN WARANTI, PEMBatasan LIABILITI

10.1 Pengguna hanya boleh menggunakan Perkhidmatan atas tanggungan sendiri dan menerima bahawa Penyedia Perkhidmatan tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan bahan atau pelanggaran peribadi yang timbul sehubungan dengan penggunaan, selain itu juga daripada kerosakan yang disebabkan dengan sengaja, dengan kecuaiian melampau atau kesalahan jenayah, dan juga atas pelanggaran kontrak yang menyebabkan kematian atau kecederaan kepada keutuhan fizikal atau kesihatan.

10.2 Penyedia Perkhidmatan mengecualikan apa-apa liabiliti untuk tingkah laku Pengguna atau Pelajar. Pengguna dan Pelajar bertanggungjawab sepenuhnya dan secara eksklusif terhadap tingkah laku mereka sendiri, termasuk data dokumen lain yang direkodkan dalam

Aplikasi dan di Laman Web, dalam kes yang demikian, Penyedia Perkhidmatan akan bekerjasama sepenuhnya dengan pihak berkuasa untuk mengesan pelanggaran.

10.3 NovaKid berhak tetapi tidak berkewajipan untuk memantau kandungan yang mungkin disediakan oleh Pengguna semasa penggunaan Perkhidmatan, dan Penyedia Perkhidmatan berhak tetapi tidak berkewajipan untuk mencari tanda-tanda aktiviti yang menyalahi undang-undang berkenaan dengan rakaman video Kelas. Pengguna mengakui bahawa Penyedia Perkhidmatan tidak memikul apa-apa kewajipan atau liabiliti untuk apa-apa data yang diedit atau dimuat naik oleh Pengguna.

10.4 Pengguna bertanggungjawab kepada Penyedia Perkhidmatan atas apa-apa kerosakan yang dialami oleh Penyedia Perkhidmatan yang disebabkan oleh Pengguna atau Pelajar yang tidak patuh dan/atau penggunaan Perkhidmatan secara yang menyalahi undang-undang.

10.5 Tanpa keizinan bertulis daripada Penyedia Perkhidmatan terlebih dahulu, Pengguna tidak berhak menggunakan Perkhidmatan untuk tujuan pengiklanan atau promosi lain atau politik.

10.6 Jika Pengguna mengesan apa-apa kandungan yang tidak menyenangkan (yang, secara khususnya, mencabuli hak atau kepentingan sah orang lain, memfitnah, menghina, mencaci maki, mengapi-apikan, mengandungi kandungan seksual dan mengancam minor, dll.) atau memerhatikan operasi Perkhidmatan yang luar biasa, beliau akan memaklumkan NovaKid dengan segera. Jika Penyedia Perkhidmatan mendapati maklumat tersebut berasas, ia berhak untuk membatalkan atau mengubah maklumat dengan serta-merta.

10.7 Penyedia Perkhidmatan akan mengendalikan Perkhidmatan dengan usaha dan kepakaran yang wajar. Penyedia Perkhidmatan akan melakukan yang terbaik bagi memastikan Perkhidmatan berterusan tersedia di Laman Web dan Aplikasi, walau bagaimanapun, disebabkan oleh sifat Internet, Penyedia Perkhidmatan tidak dapat menjamin operasi berterusan dan kesinambungan Perkhidmatan. Penyedia Perkhidmatan tidak akan memikul liabiliti atas apa-apa kerosakan langsung atau tidak langsung yang berpunca daripada penutupan teknikal, penutupan tak bersandar Penyedia Perkhidmatan atau aplikasi atau program yang merosakkan yang diletakkan oleh pihak ketiga. Selanjutnya, Penyedia Perkhidmatan tidak akan memikul liabiliti bagi apa-apa kerosakan langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh penutupan, penjedaan atau apa-apa kerosakan lain, tidak boleh diakses yang berlaku pada penyedia perkhidmatan (cth. Google, Apple) yang digunakan oleh Penyedia Perkhidmatan. Penyedia Perkhidmatan akan mengambil segala langkah wajar untuk memastikan kunjungan dapat dilakukan ke Laman Web dan Aplikasi dan penggunaan, keselamatan dan kebolehpercayaan Laman Web dan Aplikasi, walau bagaimanapun, kesilapan teknikal masih boleh berlaku, dan Penyedia Perkhidmatan menganggap bahawa Pengguna mengakui kemungkinan kesilapan teknikal sedemikian.

10.8 NovaKid tidak membuat pernyataan lanjut dan tidak membuat jaminan lanjut berkaitan dengan Perkhidmatan, oleh itu, secara khusus, ia tidak menjamin bahawa:

- Pengguna boleh menggunakan Perkhidmatan tanpa gangguan dan tanpa kesilapan. Pengguna mengakui, bahawa Penyedia Perkhidmatan boleh menghapuskan, dari

semasa ke semasa, operasi Perkhidmatan untuk selama-lamanya, atau menggantung atau menamatkan operasi perkhidmatan atas sebab teknikal dan operasi pada bila-bila masa, di mana, jika mungkin, Penyedia Perkhidmatan akan memberitahu Pengguna;

- Perkhidmatan tidak akan mengalami kerugian, pincang tugas, serangan, virus, campur tangan, gangguan, penggodaman atau gangguan berbahaya yang lain yang menjejaskan keselamatan, yang mana peristiwa tersebut dianggap peristiwa Force Majeure, dan di mana Penyedia Perkhidmatan tidak dalam apa cara pun dipertanggungjawabkan. Menjadi tanggungjawab Pengguna untuk membuat sandaran pada atau daripada sistemnya sebelum, semasa dan selepas menggunakan Perkhidmatan, termasuk apa-apa kandungan atau data yang digunakan sehubungan dengan Aplikasi dan Platform.

11. PERUNTUKAN PELBAGAI

11.1 NovaKid boleh menyampaikan pernyataan undang-undang berkaitan dengan GTC ini kepada Pengguna dalam mesej sistem yang dihantar ke alamat e-mel yang diberikan oleh Pengguna semasa pendaftaran. Mesej sistem akan dianggap telah dihantar ke alamat e-mel yang didaftarkan oleh Pengguna pada waktu ia dihantar. Data yang disimpan oleh sistem IT Penyedia Perkhidmatan boleh digunakan untuk menentukan waktu penghantaran mesej sistem.

11.2 NovaKid berhak meletakkan iklan atau kandungan berkaitan pemasaran yang lain pada bila-bila masa di Laman Web atau di Aplikasi.

11.3 NovaKid berhak membuat perubahan atau pembetulan kepada Laman Web atau Aplikasi tanpa memberi notis terlebih dahulu pada bila-bila masa. Penyedia Perkhidmatan juga berhak untuk meletakkan Laman Web di bawah nama domain yang lain.

11.4 Apa-apa pertikaian yang timbul daripada Kontrak ini akan ditadbir oleh undang-undang Negeri California tanpa memberi kesan kepada mana-mana prinsip konflik undang-undang. Bidang kuasa tunggal dan eksklusif untuk apa-apa pertikaian yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan Kontrak akan diselesaikan di mahkamah negeri atau persekutuan yang sesuai di Daerah San Fransisco, Negeri California. Dengan menerima GTC ini, Pengguna dengan ini mengetepikan bantahan dan tidak dapat diubah lagi, kepada dan bersetuju dengan bidang kuasa mahkamah Negeri California.

11.5 GTC ini akan mula berkuat kuasa setelah diterbitkan di Laman Web dan akan terus berkuat kuasa sehingga pembatalan atau pemindaannya.

Sila terima GTC semasa sahaja, jika anda bersetuju dengan yang di atas. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berkaitan GTC, sila hubungi kami di support@novakidschool.com. Terma dan Syarat Umum semasa ini berkuat kuasa bermula 1 Mei 2021.